



**PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN MERENTAS DESA
MSSK KALI KE-24
2025**

DISEDIAKAN OLEH ;

**PENGERUSI TEKNIK DAN PEMBANGUNAN SUKAN
MERENTAS DESA MSSK**



1. TARIKH, MASA DAN TEMPAT KEJOHANAN

- 1.1 Tarikh : 19 APRIL 2025 (SABTU)
1.2 Masa : 7.30 pagi
1.3 Tempat : Stadium LADA Kuah Langkawi

2. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan Peraturan Pertandingan Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah Kedah (MSSK).

3. JENIS PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan akan diadakan secara **individu** dan **berpasukan**.

4. KATEGORI PENYERTAAN, HAD UMUR PESERTA DAN JARAK LARIAN

- 4.1 Jarak larian

BIL	KATEGORI DAN HAD UMUR PESERTA	JARAK LARIAN
1	BAWAH 18 TAHUN LELAKI <i>(Tidak lebih 18 tahun pada 01.01.2025)</i>	8 KM
2	BAWAH 15 TAHUN LELAKI <i>(Tidak lebih 15 tahun pada 01.01.2025)</i>	6 KM
3	BAWAH 12 TAHUN LELAKI <i>(Tidak lebih 12 tahun pada 01.01.2025)</i>	4 KM
4	BAWAH 18 TAHUN PEREMPUAN <i>(Tidak lebih 18 tahun pada 01.01.2025)</i>	6 KM
5	BAWAH 15 TAHUN PEREMPUAN <i>(Tidak lebih 15 tahun pada 01.01.2025)</i>	6 KM
6	BAWAH 12 TAHUN PEREMPUAN <i>(Tidak lebih 12 tahun pada 01.01.2025)</i>	4 KM

- 4.2 Seseorang peserta dibenarkan menyertai pertandingan dalam satu kumpulan umur sahaja bagi satu jenis pertandingan dalam masa yang sama. Peserta tidak dibenarkan menyertai pertandingan dalam kumpulan umur yang lebih tinggi daripada kumpulan umurnya.
- 4.3 Semua peserta hendaklah bersedia menunjukkan kad pengenalan / salinan sijil kelahiran yang disahkan oleh Guru Besar / Penolong Kanan sekolah peserta berkenaan sekiranya ada bantahan.

5. PETA LALUAN

- 5.1 Seperti lampiran

6. PENDAFTARAN PESERTA

- 6.1 Setiap daerah dikehendaki mendaftar satu pasukan sahaja bagi setiap kategori pertandingan.
- 6.2 Setiap daerah dibenarkan mendaftar **LIMA (5)** orang peserta sahaja bagi setiap kategori.



- 6.3 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada Borang Pendaftaran Rasmi yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan mestilah disahkan oleh Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing.
- 6.4 Setiap daerah bertanggungjawab untuk memastikan setiap peserta yang didaftarkan sihat dan berkemampuan untuk menyertai pertandingan ini. Semua peserta diwajibkan membawa **Borang Akuan Kesihatan** yang ditandatangani oleh Ibubapa/penjaga
- 6.5 Borang penyertaan yang telah lengkap diisi berserta dengan salinan Kad Pengenalan , Surat Beranak/My Kid dan borang M01/R01 yang disahkan hendaklah dihantar kepada :

Pengerusi,
Jawatankuasa Pertandingan
Kejohanan Merentas Desa MSSK 2025

- 6.6 Tarikh tutup penyertaan ialah pada **16 APRIL 2025 (RABU)**

7. KELAYAKAN PESERTA

- 7.1 Pelajar-pelajar yang bersekolah sepenuh masa di sekolah kerajaan ,sekolah agensi kerajaan lain dan sekolah swasta yang berdaftar dengan MSSK adalah layak menyertai kejohanan ini.
- 7.2 Pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia tidak layak menyertai kejohanan ini.

8. PENSKORAN PERTANDINGAN BERPASUKAN

- 8.1 Hanya pencapaian terbaik **EMPAT** (4) peserta yang menamatkan larian akan dikira untuk menentukan kedudukan pasukan.
- 8.2 Pasukan yang mendapat **agregat (mata) terendah** akan diisytiharkan sebagai pemenang.
- 8.3 Jika berlaku seri, kedudukan peserta tempat **KEEMPAT** terbaik akan diambil kira.

9. PENENTUAN JUARA KESELURUHAN

- 9.1 Juara Keseluruhan adalah berdasarkan kepada jumlah agregat (mata) yang terendah yang dikumpul daripada **6 Kategori** penyertaan.
- 9.2 Jika berlaku seri, pasukan yang mendapat **bilangan Johan** yang terbanyak akan diiktiraf sebagai pemenang.
- 9.3 Jika berlaku seri lagi, tempat kedua dan berikutnya akan diambil kira sebagai pemenang.

10. NOMBOR PESERTA

- 10.1 Setiap peserta hendaklah memakai sepasang nombor di depan dan belakang baju peserta dan disematkan dengan pin pada **keempat-empat penjuru kain nombor**.
- 10.2 Setiap daerah dikehendaki menyediakan kain nombor masing-masing. Kod ,nombor dan warna kain adalah seperti berikut:-



DAERAH	KATEGORI					
	18 L	18 P	15 L	15 P	12L	12P
	HIJAU	BIRU	KUNING	MERAH	UNGU	JINGGA
KOTA SETAR	A11 – A15	A21 – A25	A31 – A35	A41 – A45	A51 – A55	A61 – A65
KUBANG PASU	B11 – B15	B21 – B25	B31 – B35	B41 – B45	B51 – B55	B61 – B65
PADANG TERAP	C11 – C15	C21 – C25	C31 – C35	C41 – C45	C51 – C55	C61 – C65
KUALA MUDA	D11 – D15	D21 – D25	D31 – D35	D41 – D45	D51 – D55	D61 – D65
BALING	E11 – E15	E21 – E25	E31 – E35	E41 – E45	E51 – E55	E61 – E65
KULIM BANDAR BAHARU	F11 – F15	F21 – F25	F31 – F35	F41 – F45	F51 – F55	F61 – F65
LANGKAWI	G11 – G15	G21 – G25	G31 – G35	G41 – G45	G51 – G55	G61 – G65
PENDANG	H11 – H15	H21 – H25	H31 – H35	H41 – H45	H51 – H55	H61 – H65
SIK	J11 – J15	J21 – J25	J31 – J35	J41 – J45	J51 – J55	J61 – J65
YAN	K11 – K15	K21 – K25	K31 – K35	K41 – K45	K51 – K55	K61 – K65

11. PAKAIAN

- 11.1 Peserta hendaklah berpakaian sesuai dan kemas sewaktu mengambil bahagian dan semasa majlis penyampaian hadiah.

12. PEMBATALAN PESERTA

- 12.1 Peserta-peserta yang tidak lengkap tanda-tanda pengenalan/pengesahan larian yang akan dinyatakan semasa taklimat akan dibatalkan penyertaannya.

13. BANTAHAN

- 13.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat dengan mematuhi Prosedur Rujuk Peraturan AM MSSM (Perkara 12)
- 13.2 Bantahan mengenai keputusan hendaklah dilakukan dalam masa **30 MINIT** selepas keputusan rasmi diumumkan.
- 13.3 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mestilah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM 200.00** (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja).

14. HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 14.1 Jawatankuasa pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam peraturan ini dan Peraturan AM MSSK/MSSM dan Undang-Undang KOM.
- 14.2 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas kemalangan dan kehilangan harta benda kepunyaan peserta dan pegawai semasa pertandingan dijalankan.
- 14.3 Walau bagaimanapun, pihak pengelola berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan peserta dan pegawai terjamin semasa pertandingan ini diadakan.



15. MESYUARAT /TAKLIMAT LALUAN

15.1 Taklimat ini akan diadakan pada:

Tarikh : 18 APRIL 2025
Masa : 4.00 PETANG
Tempat : PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH LANGKAWI

CADANGAN ATURCARA KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSK 2025

TARIKH : 19 APRIL 2025
MASA : 7.45 PAGI
TEMPAT : STADIUM LADA KUAH LANGKAWI

MASA	PERISTIWA
7.45	Semua peserta melapor diri/pendaftaran larian
8.15	Semua peserta berkumpul dan Taklimat oleh Pegawai Kejoanan
8.30	Peserta bawah 18 Tahun Lelaki dilepaskan
8.37	Peserta bawah 15 Tahun Lelaki dilepaskan
8.42	Peserta bawah 18 Tahun Perempuan dilepaskan
8.50	Peserta bawah 15 Tahun Perempuan dilepaskan
9.00	Peserta Bawah 12 Tahun Lelaki dilepaskan
9.05	Peserta Bawah 12 Tahun Perempuan dilepaskan
10.00	Semua peserta dijangka telah menamatkan larian
10.30	Keputusan dipamerkan untuk semakan
11.15	Peserta berkumpul
11.30	Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah
12.30	Majlis dijangka selesai